

Menulis

Tulis makna perkataan dan rangkai kata yang bercetak tebal dengan merujuk kamus ataupun bahan rujukan lain. **SP311**

Kes keracunan makanan tidak boleh **dipandang remeh** kerana menyebabkan pelbagai **komplikasi** terhadap kesihatan dan **mengancam** nyawa.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengingatkan masyarakat supaya mengamalkan lima tip keselamatan makanan untuk mengelakkan mereka daripada keracunan makanan.

Tip yang pertama, kita perlu mencuci tangan sebelum dan selepas menyediakan makanan. Tip yang kedua, kita perlu menggunakan peralatan yang **berasingan** untuk makanan mentah bagi mengelakkan pencemaran pada makanan yang telah dimasak.

Seterusnya, makanan yang telah dimasak hendaklah dimakan dalam tempoh tidak melebihi empat jam. Keempat, kita hendaklah menyimpan makanan yang sedia dimakan tidak melebihi tiga hari di dalam peti sejuk. Tip yang terakhir ialah kita perlu menggunakan **bahan mentah** yang segar dan air yang bersih untuk memasak.

berlainan

membahayakan

masalah

bahan yang belum dimasak

diambil mudah

Perkataan/Rangkai kata	Makna
1 dipandang remeh	
2 komplikasi	
3 mengancam	
4 berasingan	
5 bahan mentah	

Kamus Mini

1. keracunan makanan – *termakan makanan yang mengandungi bahan beracun*
2. mengamalkan – *membiasakan diri melakukan sesuatu*
3. pencemaran – *perbuatan mencemarkan (mengotorkan)*